# DN 4 MEMUPUK MINAT MASYARAKAT TENTANG WARISAN BUDAYA

Kini, warisan budaya tradisional menghadapi ancaman kepupusan. Budaya tradisional merangkumi amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negara kita. Hal ini termasuklah pakaian, makanan, adat resam, seni dan sebagainya. Tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya. Warisan budaya ini harus dikekalkan kerana mempunyai identiti tersendiri. Kerjasama semua pihak terutamanya dari golongan remaja amat diperlukan agar kebudayaan sesebuah tempat untuk terus berkekalan.

## DN 4.1: Penganjuran Festival dan Pertandingan Muzik Tradisional di Muar

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

**Justifikasi Cadangan:**
Dengan menganjurkan festival dan pertandingan bagi muzik tradisional ini, bakat baru di kalangan golongan muda dapat ditingkatkan untuk mewarisi kebudayaan negeri Johor.

**Komponen Cadangan:**
- Mengadakan pertandingan bagi kategori muzik tradisional seperti gazal, gendang dan lain-lain.
- Persembahan tradisional untuk memeriahkan majlis.
- Pameran dan penjualan yang bertemakan alatan muzik tradisional.
- Pameran untuk proses pembuatan alat muzik tradisional.

**Kaedah Pelaksanaan:**
- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta dan masyarakat desa.
- Kampung Parit Jamil dilihat mempunyai potensi sebagai tuan rumah berdasarkan aktiviti bengkel alatan muzik tradisional sedia ada.



Foto: Proses Pembuatan Alat Muzik Tradisional
*Sumber: Sinar Harian, 2020*




Foto: Penglibatan Artis Tempatan
*Sumber: Facebook, Fauziah Gambus, 2022*

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini memberi penekanan kepada sebuah lokasi sebagai tuan rumah dan penganjur secara tahunan.

| Daerah | Nama Kampung |
|---|---|
| Muar | Cadangan Tuan Rumah |
| Segamat | - |
| Tangkak | - |

### AGENSI PELAKSANA

| Pemula | Pelaksana |
|---|---|
| • Jabatan Warisan Negara<br>• Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara | • JPKK<br>• PBT<br>• Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan |

### ANGGARAN KOS

- Menganjurkan festival/pertandingan secara tahunan = RM 1,000,000.

### FASA PELAKSANAAN






Foto: Poster Pertandingan Ghazal dan Gambus Desa Johor

*Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021*